



SHARIFUDIN (tengah) menyampaikan cenderamata kepada Pengarah Jakim cawangan Sabah Mat Radzi Mat Ali (kiri) pada Majlis Perasmian Program Advokasi Ilmu pada Rabu.

UiNVEST bantu pasar dua produk China

UB 18.8.2017 10

Oleh SURAIYAH ROSLAN

KOTA KINABALU: Anak syarikat Universiti Malaysia Sabah (UMS), UMS Investment Holdings Sdn Bhd (UiNVEST) mula memasarkan dua produk China yang mendapat persijilan halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) pada tahun ini.

Dekan Fakulti Sains Makanan & Pemakanan UMS Prof Dr Sharifudin Md Shaaranib berkata, UiNVEST diberi kepercayaan untuk melaksanakan promosi pemasaran produk Black Garlic dan Black Fungus dari China setelah anak syarikat UMS itu berjaya membantu pusat penyelidikan berkenaan memperoleh Sijil Halal Jakim bagi kedua-dua produk berkenaan.

Usahasama pintar itu

melibatkan kerjasama antara UMS dengan Pusat Penyelidikan di China, Heilongjiang Academy of Science (HAS) pada tahun lalu.

Beliau berkata setakat ini, permintaan pasaran bagi kedua-dua produk China yang memperoleh persijilan halal Jakim itu agak memberangsangkan. Untuk Semenanjung Malaysia, sekiranya ada permintaan barulah UiNVEST akan memasarkan produk itu di sana.

“Dengan kerjasama itu, ia menjadikan UMS sebagai universiti pertama melalui UiNVEST memperoleh pengiktirafan sijil halal Malaysia,” jelasnya.

Menurutnya, pusat penyelidikan China itu memilih persijilan halal Malaysia berikutan standard sijil halal Jakim diiktiraf di seluruh dunia.